


Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

TAMAN LEMBAH KIARA

Sebuah lagi taman rekreasi telah dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 6 Oktober 2002. Turut hadir di majlis ini ialah wakil Ketua UMNO Segambut dan Ahli Lembaga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta penduduk-penduduk setempat di sekitar Bukit Kiara, Damansara, Sungai Penchala, Segambut dan Petaling Jaya.

Taman Lembah Kiara berkonsepkan taman kejiranan di mana perancangan pembangunan adalah bersesuaian dengan pembentukan pengembangan minda, fizikal dan pendidikan untuk seisi keluarga.



Taman ini memperlihatkan gabungan pemandangan air terjun, tasik dan rimbunan pelon menghijau serta diserikan lagi dengan tanaman bunga yang berwarna-warni. Projek ini menelan belanja sebanyak RM10 juta. Keindahan taman seluas 15.7 hektar ini sentiasa menggalang pengunjung untuk menikmati pemandangan air terjun melintasi jambatan getung sambil berjalan-jalan dalam satu kawasan yang amat tenang dan nyaman.

Di satu sudut taman ini kita dapat melihat sebuah kuantan permainan yang digarap cantik dengan pemilihan warna yang ceria. Permukaan getah



Kelihatan Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur, bersama Y.Bhg Tan Sri Dato' Lee Lam Thye melakukan senaman semasa Majlis Perasmian Taman Lembah Kiara.

khas di bahagian lantai, kemudahan alat permainan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan, memberi jaminan keselesaan untuk anak-anak kecil bermain.

Kemudahan prasarana seperti tandas, tempat letak kenderaan, kemudahan alat senam riang, trek jogging, laluan refleksologi, gelanggang senaman, wakaf dan laman pelbagai guna adalah satu jaminan untuk warga kota menghampirkan diri kepada penjagaan kesihatan selain dapat memupuk konsep kedamaian dalam menikmati suasana harmoni. Tidak lupa juga untuk golongan kurang upaya, taman ini dilengkapi dengan 'Sudut Terapeutik' untuk beriadah.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di taman ini oleh masyarakat setempat seperti taici, wan tan kung, senamrobik, line dance dan berkelah membuktikan perpaduan dan boleh merawat penyakit sosial di kalangan belia.

Permukaan getah khas di bahagian lantai, kemudahan alat permainan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan, memberi jaminan keselesaan untuk anak-anak kecil bermain.

Rencana Pengarang

"Melentur buluh biarlah dari rebungunya." Kanak-kanak jika diajar untuk sentiasa mengamalkan kebersihan, mereka akan membesar dan hidup dalam persekitaran yang bersih.


Rumah adalah tempat yang paling sesuai untuk memupuk tabiat mengamalkan kebersihan di kalangan kanak-kanak. Sebagai ibu bapa yang juga 'role model' kepada anak-anak, perlu menunjukkan contoh yang terbaik terhadap mereka. Ibarat kata pepatah, "bapa borek, anak rintik".

Kebersihan dan kekotoran adalah sesuatu yang berjangkit. Kita ambil contoh, jika tandas awam bersih, kita akan berfikir dua kali untuk mengotorkannya dan jika tandas itu kotor dan berbau, kita tidak teragak-agak untuk menjadikannya lebih kotor.

Mengadakan kempen- kempen kebersihan secara berterusan untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan kebersihan selalunya tinggal kempen sahaja. Kebersihan harus dijadikan budaya hidup kita. Kita tidak perlu menunggu orang lain, pihak kerajaan atau pun wakil rakyat untuk memulakan kempen pembersihan di kawasan kita.

Semua orang sama ada dewasa, remaja atau kanak-kanak perlu bertanggung-jawab untuk menjaga kebersihan dengan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan.

Sayangkan kawasan kita, jiran kita dan rumah kita. Bersama-samalah menjaga kebersihan untuk menikmati kehidupan yang lebih sihat dan jadikan kebersihan sebagai cara hidup dan sebahagian dari budaya rakyat Malaysia.



Sidang Redaksi

Y.Bhg. Datuk Halijah Binti Othman

Zaidul Abidin Bin Md. Mohd. Zain

Editor

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor

Haqim Bin Hj. Hashim

Suriyana Binti Ismail

Jabatan Kerja Awam
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03 - 2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Persekitaran Bandar
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, Jalan Raja Laut
03 - 4045 3320

Direktorat Pengangkutan
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah
Jalan Tun Razak
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut
03 - 2691 6011 samb. 3825/3826

Jabatan Pengangkutan Bandar
Tingkat 19, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,
KM 4, Jalan Cheras
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut
03 - 2698 6389

Jabatan Pelesenan
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan
Tingkat Bawah
No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut
03 - 2691 6011

Hotline DBKL
03 4022 0033
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)
03 - 9284 3636/ 9284 3434
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam
Bhg. Hal Ehwal Awam
03 - 2699 3852/ 2697 7097

Hari Mesra Pelanggan
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)
9.00 pagi - 12.00 tengahari

Tele-Kaunseling Kuala Lumpur (24 jam)
Bebas Tol : 1800-882-600
No. Telefon : 03 - 2699 3930

Jurufoto

Mubarak bin Mohd. Atan
Abd. Rhani Bin Md. Shohor
Md. Ismail Bin Isnin

Alamat Editor

Berita Bandaraya
Bahagian Hal Ehwal Awam
Jabatan Pengurusan Organisasi
Tingkat 5, Bangunan DBKL
Jalan Raja Laut.
Atau berhubung terus dengan
Suriyana Binti Ismail
Tel : 03 2691 6011 samb. 3851
Faks : 03 2694 1373
emel : dbkl@dbkl.gov.my

Pusat Penjaja Danau Kota

Selangkah lagi kemajuan yang dapat dikecap oleh warga kota dalam menjalani rutin harian. Ini kerana sebuah pusat penjaja baharu telah siap dibina bagi memenuhi cita rasa penghuni kota dalam pemilihan juadah masakan dan keselesaan kemudahan tempat makan.

Pusat penjaja tersebut yang terletak di Danau Kota, Setapak telah dibina pada 15 November 1999 dan siap Pusat Penjaja Danau Kota Pusat Penjaja Danau Kota sepenuhnya pada 29 Ogos 2002 dengan kos RM2.5 juta akan beroperasi tidak lama lagi. Keluasannya 34,500 persegi cukup untuk menempatkan 32 unit gerai dan satu ruang khas untuk restoran makanan segera.

Kelengkapan kemudahan asas seperti surau, tandas, tempat makan, laman permainan dan laman pelbagai guna adalah jaminan keselesaan bagi pengguna. selain itu tidak lupa untuk mereka yang istimewa, kerana setiap tingkat telah dibina tandas khas dan susur laluan khas untuk mereka.

Konsep terbuka atau 'side walk cafe' dalam pembinaan pusat penjaja ini melambangkan ciri-ciri ceria dan riadah, dapat dibuktikan dengan setiap 2 unit berkembar akan dipisahkan dengan laluan siar kaki yang akan memberi laluan cahaya yang secukupnya selain dari ruang udara. dari segi pemilihan warna bangunan, kerusi meja, payung telah diterapkan dengan baik bagi melahirkan perasaan mesra pengguna. Kekemasan pada pemilihan papan tanda yang seragam bagi setiap unit gerai telah mencantikkan lagi suasana.

Kecanggihan pusat penjaja ini dapat dilihat dari segi tempat pembuangan sampah yang menggunakan sistem kompres dan pemisahan air takungan sampah yang akan

menghindarkan bau. Selain itu, setiap 4 unit gerai, telah dibekalkan dengan sistem perangkap minyak yang beroperasi secara automatik. Bagi setiap gerai telah disediakan laluan bagi memudahkan asas masakan dilepaskan ke udara, selain tidak mengotorkan kawasan sekitar.

Pusat penjaja ini akan dipenuhi oleh 13 penjaja yang dipilih mengikut kriteriadan selebihnya akan dipilih melalui proses temu duga. Kadar sewa bagi setiap unit gerai berpandu pada tingkat bangunan tersebut. Gerai di tingkat bawah, sewanya RM315, manakala di tingkat atas, kadar sewanya ialah sebanyak RM245.

Pusat penjaja ini adalah satu kebanggaan warga kota dalam menikmati juadah makanan selain sebagai satu saluran penjaja menjalankan perniagaan. Oleh itu, pengguna dan penjaja harus menghargai kemudahan ini, selain menjaga kebersihan bagi mencerminkan sikap warga kota yang berjiwa penyayang dan pembersih.



Kontraktor menyerahkan kunci Pusat Penjaja kepada wakil DBKL, Encik Hasan Hj. Hamzah, Pengarah Jabatan Arkitek & Projek Khas.



Sebahagian 'food court' yang ada di pusat penjaja ini.



Taman permainan kanak-kanak yang disediakan dalam kawasan pusat penjaja.